



Ruj. : KKM.500/3/4/9 Jld. 15 (12)

Tarikh: **30** April 2025

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/ Puan,

HEBAHAN PELAWAAN PERMOHONAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SESI 2026 UNTUK PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (SKIM GUNASAMA DAN KADER) DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN PERINGKAT SARJANA ATAU KEDOKTORAN (Ph.D) SECARA SEPENUH MASA

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mempelawa pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) yang berminat dan berkelayakan untuk memohon penajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Sesi 2026 bagi mengikuti pengajian di peringkat **Sarjana atau Doktor Falsafah (Ph.D)** secara sepenuh masa. Penajaan HLP Sesi 2026 ini terbuka kepada pegawai P&P Lantikan Tetap dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan termasuklah Badan Berkanun Persekutuan (kecuali badan berkanun yang telah diasingkan sistem saraannya sama ada dibebaskan atau tidak dibebaskan) bagi **Skim Gunasama dan Kader di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**.

3. Pegawai yang berminat untuk memohon penajaan ini hendaklah melengkapkan borang permohonan secara dalam talian melalui portal **<https://bmipenajaan.jpa.gov.my>** mulai **28 April hingga 30 Mei 2025**. Borang yang telah dilengkapkan oleh calon hendaklah dicetak, ditandatangani dan dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Latihan (BPL), KKM beserta dokumen sokongan lain yang berkaitan untuk kelulusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM).

4. Calon dinasihatkan untuk merujuk kepada syarat dan tatacara permohonan yang telah ditetapkan oleh pihak JPA bagi memastikan permohonan tersebut diterima. Bersama-sama ini dikemukakan Notis Iklan HLP Sesi 2026 yang dikeluarkan oleh pihak JPA untuk rujukan calon seperti di **Lampiran 1**. Borang permohonan yang lengkap serta dokumen berkaitan hendaklah dikemukakan **selewat-lewatnya sebelum atau pada 30 Mei 2025 (Jumaat)** kepada pihak Urus Setia berikut:



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT NO : QMS 03659



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT NO : QMS 03659

**Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 1
Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, Menara Prisma,
No 26, Persiaran Perdana, Presint 3
62675 WP Putrajaya
(u.p.: Program Kepakaran 1)**

5. Sebarang pertanyaan mengenai penajaan ini pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/ Puan boleh berhubung dengan Puan Nur Azreena binti Mahmud di talian 03-8885 0660 atau melalui e-mel: nurazreena@moh.gov.my. Permohonan yang dikemukakan hendaklah mematuhi tarikh tutup yang telah ditetapkan. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

6. YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk memaklumkan tawaran ini kepada semua pegawai yang berminat dan berkecenderungan untuk memohon di jabatan YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/ Puan.

7. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(EMILIA ROSNIZAR BINTI AHMAD HANIYAH)

Bahagian Pengurusan Latihan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.:

KSU

KPK

TKSU (K)

TKSU (P)

SENARAI EDARAN IBU PEJABAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (IPKKM)

1. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
2. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
3. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
4. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian)
5. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)
6. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)
7. Setiausaha Bahagian Kanan (Pembangunan)
8. Setiausaha Bahagian (Sumber Manusia)
9. Setiausaha Bahagian (Kewangan)
10. Setiausaha Bahagian (Khidmat Pengurusan)
11. Setiausaha Bahagian (Pembangunan Kompetensi)
12. Setiausaha Bahagian (Pengurusan Maklumat)
13. Setiausaha Bahagian (Dasar dan Hubungan Antarabangsa)
14. Setiausaha Bahagian (Perolehan & Penswataan)
15. Setiausaha Bahagian (Akaun)
16. Pengarah (Perkembangan Perubatan)
17. Pengarah (Pembangunan Kesihatan Keluarga)
18. Pengarah (Perkhidmatan Kejuruteraan)
19. Pengarah (Kawalan Penyakit)
20. Pengarah (Perancangan)
21. Pengarah (Amalan Perubatan)

22. Pengarah (Sains Kesihatan Bersekutu)
23. Pengarah (Perkembangan Kesihatan Awam)
24. Pengarah (Pemakanan)
25. Pengarah (Perubatan Tradisional dan Komplementari)
26. Pengarah (Kejururawatan)
27. Pengarah (Pendidikan Kesihatan)
28. Pengarah (Kawalselia Radiasi Perubatan)
29. Penasihat Undang-undang
30. Ketua Cawangan Audit Dalam
31. Ketua Unit Komunikasi Korporat
32. Ketua Unit Integriti

SENARAI EDARAN JABATAN KESIHATAN NEGERI (JKN)

1. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan W. P Kuala Lumpur dan Putrajaya
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur
W.P KUALA LUMPUR
2. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Tingkat 9, 10, 11 & 17, No. 1, Wisma Sunway
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C, Seksyen 9
40100 Shah Alam
SELANGOR
3. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30590 Ipoh
PERAK

4. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
Jalan IM 4, Bandar Indera Mahkota
25582 Kuantan
PAHANG
5. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
Tingkat 3, 4, dan 5, Wisma Persekutuan,
Jalan Business City, Bandar MITC
75450 Ayer Keroh
MELAKA
6. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
Jalan Rasah
70300 Seremban
NEGERI SEMBILAN
7. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
Tingkat 5, Wisma Persekutuan, Jalan Sultan Ismail
20290 Kuala Terengganu
TERENGGANU
8. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah
05400 Alor Setar
KEDAH
9. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
15590 Kota Bharu
KELANTAN
10. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Tingkat 3 & 4 Blok B, Wisma Persekutuan
Jalan Air Molek
80590 Johor Bahru
JOHOR

11. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Jalan Raja Syed Alwi
01000 Kangar
PERLIS
12. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 7, Bangunan MARA, No.33
10300 Jalan Pangkalan Weld
PULAU PINANG
13. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Tingkat 3, Rumah Persekutuan, Jalan Mat Salleh
88590 Kota Kinabalu
SABAH
14. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako
93590 Kuching
SARAWAK
15. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan W. P Labuan
Peti Surat 80832
87018 Labuan
W.P LABUAN

SENARAI EDARAN INSTITUSI

1. Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
Jalan Pahang
50586 Kuala Lumpur
W.P KUALA LUMPUR
2. Pengarah
Hospital Tunku Azizah
Lot 25, Jalan Raja Muda Abdul Aziz
Kampung Baru
50300 Kuala Lumpur
W.P KUALA LUMPUR

3. Pengarah
Institut Kanser Negara (IKN)
No.4, Jalan P7, Presint 7
62250 Putrajaya
W.P PUTRAJAYA
4. Pengarah
Institut Perubatan Respiratori (IPR)
Jalan Pahang
50586 Kuala Lumpur
W.P KUALA LUMPUR
5. Pengarah
Pusat Darah Negara
Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
W.P KUALA LUMPUR
6. Pengarah
Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)
Lot 36, Jalan Universiti (Jalan Prof Diraja Ungku Aziz)
46200 Petaling Jaya
SELANGOR
7. Pengurus
Institut Kesihatan Negara (NIH)
Jalan Setia Murni U13/52
Seksyen U13 Setia Alam
40170 Shah Alam
SELANGOR
8. Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
Lot 1853, Kampung Melayu
47000 Sungai Buloh
SELANGOR

**SENARAI EDARAN INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA (ILKKM)**

1. Pengarah
ILKKM Alor Setar (Kejururawatan)
KM 6 Jalan Langgar
05460 Alor Setar
KEDAH

2. Pengarah
ILKKM Alor Setar (Pembantu Perubatan)
Lorong Penjara, Off Lebuhraya Sultanah Bahiyah
05250 Alor Setar
KEDAH
3. Pengarah
ILKKM Georgetown (Pergigian)
No. 3 Jalan Sepoy Lines
10450 Pulau Pinang
PULAU PINANG
4. Pengarah
ILKKM Bertam (Kejururawatan)
Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir
Kepala Batas
13200 Pulau Pinang
PULAU PINANG
5. Pengarah
ILKKM Sultan Azlan Shah, Ipoh
31250 Tanjong Rambutan
PERAK
6. Pengarah
ILKKM Kangar (Kejururawatan)
Jalan Behor
01000 Kangar
PERLIS
7. Pengarah
ILKKM Kuala Lumpur (Teknologi Makmal Perubatan)
50588 Jalan Pahang
KUALA LUMPUR
8. Pengarah
ILKKM Sungai Buloh
Jalan Hospital
47000 Sungai Buloh
SELANGOR

9. Pengarah
ILKKM Kuala Pilah (Kejururawatan)
Jalan Melang
72000 Kuala Pilah
NEGERI SEMBILAN
10. Pengarah
ILKKM Seremban (Pembantu Perubatan)
Jalan Rasah
70300 Seremban
NEGERI SEMBILAN
11. Pengarah
ILKKM Batu Pahat (Kejururawatan)
Jalan Kluang
86400 Parit Raja, Batu Pahat
JOHOR
12. Pengarah
ILKKM Johor Bahru
Lot 8173, Jalan Persiaran Kempas Baru
82100 Johor Bahru
JOHOR
13. Pengarah
ILKKM Kubang Kerian (Kejururawatan)
Kubang Kerian
16150 Kubang Kerian
KELANTAN
14. Pengarah
ILKKM Kuching
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Lot 221, Batu 13 ½ (KM22) Jalan Puncak Borneo
93590 Kuching
SARAWAK
15. Pengarah
ILKKM Kuching (Kesihatan Awam)
Batu 7 1/2, Jalan Penrissen
Kota Sentosa
93250 Kuching
SARAWAK

16. Pengarah
ILKKM Sibul (Kejururawatan)
Batu 5 1/2, Jalan Oya Lama,
C.D.T. No. 118
96009 Sibul
SARAWAK
17. Pengarah
ILKKM Kota Kinabalu
Jalan Kolam, Bukit Padang
88300 Kota Kinabalu
SABAH
18. Pengarah
ILKKM Sandakan (Kejururawatan)
W.D.I No. 381
90009 Sandakan
SABAH
19. Pengarah
ILKKM Tawau (Kejururawatan)
Peti Surat 1157
91036 Tawau
SABAH

Lampiran 1



Ruj. Kami : JPA.(S). 600-18/10/8 Jld. 3 (7)
Tarikh : 25 April 2025

YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

PELAWAAN PERMOHONAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) SESI 2026 UNTUK PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT SARJANA ATAU KEDOKTORAN (PH.D) SECARA SEPENUH MASA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan ini ingin mempelawa Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) yang berminat dan memenuhi syarat seperti di **LAMPIRAN I** untuk memohon **Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Sesi 2026** melalui Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) masing-masing bagi mengikuti pengajian di peringkat Sarjana atau Kedoktoran (Ph.D) secara sepenuh masa. Program HLP Sesi 2026 ini terbuka kepada pegawai P&P lantikan tetap dalam **Perkhidmatan Awam Persekutuan** termasuklah **Badan Berkanun Persekutuan** (kecuali badan berkanun yang telah diasingkan sistem saraannya sama ada dibebaskan atau tidak dibebaskan).

3. Untuk makluman, program HLP ini tidak meliputi pegawai P&P di kementerian / jabatan / agensi yang mempunyai peruntukan untuk mengendalikan kursus pasca ijazah atau mempunyai badan penaja yang lain, kecuali bagi pegawai perkhidmatan guna sama dan kader. Antara kementerian / jabatan / agensi yang dimaksudkan ialah:

- (i) Kementerian Pendidikan Malaysia;
- (ii) Kementerian Pendidikan Tinggi;
- (iii) Kementerian Pertahanan Malaysia;
- (iv) Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
- (v) Jabatan / agensi yang telah diswastakan / dikorporatkan.

4. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan adalah dimohon untuk mematuhi tatacara seperti di **LAMPIRAN II** dalam mengemukakan pencalonan pegawai masing-masing kepada Jabatan ini. Tarikh-tarikh penting bagi penawaran HLP Sesi 2026 yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	TARIKH	TINDAKAN
1.	Permohonan secara dalam talian oleh pegawai melalui portal https://penajaan.jpa.gov.my	28 April – 30 Mei 2025	Pegawai / Calon HLP
2.	Tarikh tutup pencalonan pegawai oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)	13 Jun 2025	Urus setia PPSM Kementerian
3.	Saringan dan temu duga	Ogos/September 2025	JPA
4.	Semakan keputusan penawaran HLP	Oktober/November 2025	Pegawai / Calon HLP

Nota : Pegawai yang berjaya ditawarkan HLP Sesi 2026 boleh memulakan pengajian masing-masing dalam tempoh mulai 1 Januari 2026 sehingga 31 Disember 2026.

5. Sekiranya pihak YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, pihak penyelaras yang boleh dihubungi adalah seperti berikut:

Penyelaras : Unit Pengurusan Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan, BMI, JPA

No. Telefon : 03 – 8885 3053 / 3879

E-mel : penawaranldp@jpa.gov.my

6. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(JAMALULAIL BIN ABU BAKAR)

Pengarah

Bahagian Pembangunan Modal Insan

b.p.: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

No. Telefon : 03-8885 3005

E-mel : jamalulail.bakar@jpa.gov.my



**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN
PROGRAM HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SESI 2026**

PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA

Pegawai Perkhidmatan Gunasama bermaksud perkhidmatan yang Ketua Perkhidmatannya ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA). Skim perkhidmatan yang terlibat ialah **Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Pegawai Psikologi dan Guru Bahasa (INTAN)**.

PEGAWAI PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA

Pegawai Perkhidmatan Bukan Gunasama bermaksud pegawai-pegawai dalam perkhidmatan **selain daripada Skim Perkhidmatan Gunasama**.

1. Syarat Umum

- (a) Pegawai kumpulan **Pengurusan dan Profesional (P&P)** lantikan tetap **Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan** (kecuali Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan sama ada dibebaskan atau tidak dibebaskan);
- (b) telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada **1 Januari 2025**;
- (c) mencapai purata markah minimum **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) 85%** bagi tempoh **tiga (3) tahun terakhir berturut-turut (2022, 2023, 2024)** dalam skim perkhidmatan terkini. Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan;

Nota: Pegawai yang mempunyai rekod CTG / CSG dalam tahun penilaian LNPT terlibat dan tahun penawaran tidak layak dipertimbangkan HLP ini.

- (d) pegawai **berumur tidak melebihi 45 tahun** bagi pengajian peringkat **Ijazah Kedoktoran** (hanya pegawai yang lahir pada atau selepas 1 Januari 1981 sahaja) dan **50 tahun** bagi pengajian peringkat **Ijazah Sarjana** (hanya pegawai yang lahir pada atau selepas 1 Januari 1976 sahaja) **pada 1 Januari 2026**;

- (e) tempoh perkhidmatan minimum pegawai **dalam Kumpulan P&P pada 1 Januari 2025** adalah seperti berikut:

Peringkat Pengajian	Tahun Perkhidmatan
Ijazah Sarjana	Lapan (8) tahun ke atas
Ijazah Kedoktoran	Sembilan (9) tahun ke atas

- (f) mematuhi **syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus** seperti berikut:

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu (sehingga 1 Januari 2025)
Lebih daripada 12 bulan	Dua (2) tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	Satu (1) tahun

- (g) pegawai hendaklah mempunyai **kelayakan Ijazah Sarjana Muda** (bagi permohonan mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana) **atau Ijazah Sarjana** (bagi permohonan mengikuti pengajian peringkat Ijazah Kedoktoran) yang diiktiraf oleh Kerajaan Daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan **atau kelayakan yang diiktiraf setaraf** dengannya;
- (h) memohon peringkat pengajian yang **lebih tinggi daripada peringkat pengajian sedia ada** yang diperoleh pegawai;
- (i) permohonan disokong oleh Ketua Jabatan dan diperakui oleh **Ketua Perkhidmatan / Pegawai Pengawal** melalui Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) masing-masing;
- (j) **bebas daripada sebarang pertuduhan / tindakan tatatertib / dakwaan mahkamah**;
- (k) **tidak tersenarai dalam senarai hitam** pinjaman atau biasiswa JPA;
- (l) **telah mengisytiharkan harta dalam tempoh lima (5) tahun terkini**;
- (m) pegawai yang **menghidap penyakit kronik / berjangkit / penyakit yang memerlukan rawatan susulan** dibenarkan untuk memohon bagi pengajian di dalam negara; dan
- (n) permohonan untuk mengikuti **pengajian ke luar negara** dikehendaki **bebas daripada penyakit kronik / berjangkit / penyakit yang memerlukan rawatan susulan dan disahkan sihat serta berupaya**

mengikuti pengajian sehingga tamat oleh Pengamal Perubatan Berdaftar.

**Ahli keluarga pemohon yang dibawa bersama (pengajian luar negara) juga perlu bebas daripada sebarang penyakit kronik / berjangkit / penyakit yang memerlukan rawatan susulan. Sekiranya laporan perubatan mengesahkan pegawai atau ahli keluarga yang dibawa bersama (pengajian luar negara) menghidap penyakit kronik / berjangkit / penyakit yang memerlukan rawatan susulan, penawaran HLP pegawai akan dibatalkan.*

1 Syarat Khusus

- (a) Pegawai yang memohon HLP JPA untuk pengajian di peringkat **Ijazah Sarjana** dalam bidang pengajian **Ekonomi, Undang-undang, Seni Bina, Kaunseling dan Psikologi** hendaklah mempunyai **latar belakang akademik di peringkat Ijazah Pertama** dalam bidang-bidang tersebut;
- (b) Pegawai hanya dibenarkan memohon pengajian di **peringkat Ijazah Sarjana** yang menawarkan pengajian **tanpa perlu mengikuti kursus pra syarat**;
- (c) **masih belum mendapat tempat di mana-mana institusi pengajian tinggi** sama ada di luar atau dalam negara;

atau

telah mendapat tempat pengajian tetapi belum memulakan pengajian di mana-mana institusi pengajian tinggi sama ada di luar atau dalam negara;

atau

bagi calon **Ijazah Kedoktoran sahaja** – telah memulakan pengajian pada tahun penawaran dibuka dengan syarat **perlu memohon penangguhan pengajian** daripada universiti bagi mengikuti **Kursus Persediaan Ijazah Kedoktoran yang ditetapkan JPA**;

**Tawaran HLP akan terbatal sekiranya pegawai gagal mengikuti Kursus Persediaan Ijazah Kedoktoran.*

- (d) Bidang pengajian yang dibenarkan di bawah program HLP Sesi 2026 mengikut skim perkhidmatan adalah seperti di **LAMPIRAN A (i), (ii) dan (iii)**.

- (e) menyediakan **Kertas Cadangan Penyelidikan / Pengajian (dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris)** mengikut panduan seperti di **LAMPIRAN C** dan menyediakan pernyataan ringkas berhubung sumbangan pegawai kepada organisasi mengikut panduan seperti di **LAMPIRAN D**.

2 Peringkat Pengajian

Dua (2) peringkat pengajian ditawarkan bagi HLP Sesi 2026 iaitu:

- (a) **Ph.D** - **universiti dalam dan luar negara; dan**
- (b) **Sarjana** - **universiti dalam dan luar negara.**

* Pegawai yang pernah ditaja pengajian Ijazah Sarjana di luar negara di bawah Program HLP JPA hanya dibenarkan untuk memohon program HLP JPA Sesi 2026 bagi pengajian peringkat Ijazah Kedoktoran **di dalam negara sahaja**.

* Pengajian berstruktur baharu seperti ***Industrial Ph.D, Doctorate in Business Administration (DBA) atau Doctor of Management (DMgt)*** yang dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi dalam negara yang ditetapkan oleh JPA juga dibenarkan di bawah program HLP JPA Sesi 2026.

* Pengajian secara **Kerja Kursus (Coursework)** di peringkat Ijazah Sarjana perlu melibatkan **sekurang-kurangnya enam (6) jam kredit** dalam bentuk **tesis, disertasi atau kertas projek penyelidikan**.

3 Institusi Pengajian

Pegawai perlu memilih institusi pengajian mengikut kategori yang ditetapkan seperti berikut:

- (a) **Luar Negara**
 - (i) Senarai **Type A dan Type B** dalam *Top Global Universities (The Top Global University Project)* bagi pengajian di Jepun;
 - (ii) Senarai **kedudukan 100 teratas** secara keseluruhan dalam *Times Higher Education (THE) World University Rankings*; atau
 - (iii) Senarai **kedudukan 100 teratas** secara keseluruhan dalam *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings*;

(b) **Dalam Negara**

Senarai Institusi Pengajian Tinggi dalam negara yang ditetapkan oleh JPA seperti dalam **LAMPIRAN B**.

4 Ujian Khas

Pemohon yang melepasi saringan awal adalah **diwajibkan** untuk menduduki Ujian Khas secara *online* pada tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Ujian ini hanya boleh **diduduki dalam tempoh ditetapkan sahaja** dan kegagalan untuk berbuat demikian akan menjejaskan peluang penawaran HLP JPA.

5 Kemudahan

Pegawai yang berjaya dipilih dan ditawarkan **Hadiah Latihan Persekutuan** akan turut menerima **Cuti Belajar Bergaji Penuh**.

6 Ujian Bahasa Inggeris

Pemohon yang berjaya ditawarkan HLP JPA untuk **pengajian di dalam negara tidak perlu mengambil ujian Bahasa Inggeris** tertakluk kepada keperluan universiti; dan

Pemohon yang berjaya ditawarkan HLP JPA untuk **pengajian di luar negara** perlu **lulus ujian Bahasa Inggeris** dengan memperoleh skor minimum seperti berikut:

- (a) IELTS: Band 6.5 ke atas; atau
- (b) TOEFL: *Internet Based*: 92 points / *Paper Based*: 580 points dan ke atas.

7 Ikatan Perjanjian Dengan Kerajaan

Pegawai yang diluluskan penajaan di bawah Program HLP JPA akan dikenakan ikatan berkhidmat dengan Kerajaan dan tuntutan ganti rugi (jika berkaitan) selaras dengan tempoh penajaan sekiranya melanggar syarat perjanjian.



TATACARA PERMOHONAN / PENCALONAN PROGRAM HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SESI 2026

Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan melalui Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)¹ masing-masing bertanggung jawab untuk memperakukan pegawai-pegawai yang **bersesuaian dan berkelayakan** berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan seperti di **LAMPIRAN I** sahaja. Permohonan dengan dokumen yang **tidak lengkap dan tidak dikemukakan** melalui PPSM masing-masing serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan secara automatik **TIDAK AKAN DIPROSES UNTUK TUJUAN PERTIMBANGAN**.

Pihak Bahagian Pembangunan Modal Insan (BMI), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) **berhak menolak pencalonan / permohonan** yang didapati tidak mematuhi syarat dan tatacara yang ditetapkan. Keputusan pemilihan akhir oleh Jabatan ini adalah **muktamad** dan sebarang **rayuan tidak akan dipertimbangkan**.

A) TANGGUNGJAWAB PEGAWAI

- (i) Pegawai yang berminat dikehendaki membaca dan mematuhi syarat-syarat permohonan seperti di **LAMPIRAN I** sebelum membuat permohonan;
- (ii) Permohonan boleh dibuat dengan melengkapkan borang permohonan secara dalam talian melalui pautan <http://penajaan.jpa.gov.my> mulai **28 April sehingga 30 Mei 2025**;
- (iii) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah **dimuat turun, dicetak dan ditandatangani oleh pegawai**. Terdapat ruangan perakuan Ketua Jabatan selepas ruangan tandatangan pegawai yang mana memerlukan **maklumat perkhidmatan pegawai dilengkapi, disahkan dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan** masing-masing. Semakan ke atas buku perkhidmatan atau/dan rekod HRMIS pegawai perlu dibuat untuk memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat perkhidmatan pegawai;

¹ PPSM yang dimaksudkan adalah PPSM yang **dipengerusikan oleh Ketua Perkhidmatan** masing-masing tanpa mengira Kementerian/Jabatan/Agensi penempatan pegawai kecuali bagi pegawai perkhidmatan guna sama (PTD dan PPSi) yang mana PPSM yang dimaksudkan adalah PPSM yang dipengerusikan oleh **Pegawai Pengawal Kementerian^a masing-masing sahaja** walaupun pegawai ditempatkan di Jabatan/Agensi di bawah Kementerian berkaitan.

^a *Permohonan oleh pegawai perkhidmatan guna sama yang berada di jabatan/ agensi/ unit di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) hendaklah dikemukakan melalui PPSM JPM kecuali jabatan/agensi/unit yang telah diberikan pengecualian oleh JPM.*

Nota : **Tanggungjawab pegawai** untuk menyemak dan memastikan segala maklumat di ruangan perakuan **Ketua Jabatan²** tersebut **dilengkapkan sepenuhnya tanpa ada sebarang keciciran** sebelum borang permohonan lengkap tersebut dikemukakan kepada urus setia PPSM masing-masing.

- (iv) Borang permohonan yang lengkap tersebut perlu dikemukakan kepada urus setia PPSM masing-masing bersama-sama dengan **dokumen-dokumen sokongan** yang berkaitan seperti berikut:
- (a) Salinan Ijazah Pertama **lengkap dengan transkrip atau perincian peratusan markah/PNGK** atau kelulusan yang setaraf dengannya (kelayakan setaraf Ijazah Sarjana Muda merujuk kepada kelayakan yang digunakan untuk pelantikan pegawai ke jawatan dalam kumpulan P&P mengikut syarat skim perkhidmatan atau sijil APEL.A untuk kemasukan ke program Ijazah Sarjana) (diakui sah oleh pegawai berkelayakan);
 - (b) Salinan Ijazah Sarjana **lengkap dengan transkrip atau perincian peratusan markah/PNGK** atau kelulusan yang setaraf dengannya (kelayakan setaraf Ijazah Sarjana merujuk kepada sijil APEL.A untuk kemasukan ke program Ijazah Kedoktoran) (diakui sah oleh pegawai berkelayakan);
 - (c) Salinan Slip keputusan TOEFL atau IELTS bagi permohonan pengajian di Luar Negara (sekiranya ada) (diakui sah oleh pegawai berkelayakan);
 - (d) Salinan Surat Akuan Doktor oleh Pegawai Perubatan & Kesihatan berdaftar sekiranya pegawai atau ahli keluarga menghidap penyakit kronik (ahli keluarga yang dimaksudkan adalah yang **dibawa bersama** sekiranya ditawarkan **pengajian di luar negara sahaja**);
 - (e) Salinan Sijil Perkahwinan dan Sijil Kelahiran anak-anak (bagi calon yang telah berkeluarga) (diakui sah oleh pegawai berkelayakan); dan
 - (f) Dua (2) salinan **Kertas Cadangan Penyelidikan/bPengajian** dan **penyataan ringkas sumbangan pegawai kepada organisasi**.

Pemohon boleh merujuk panduan menulis **Kertas Cadangan Penyelidikan / Pengajian HLP Sesi 2026** seperti di **LAMPIRAN C** dan panduan **penyataan ringkas sumbangan pegawai kepada organisasi** seperti di **LAMPIRAN D**.

² Ketua Jabatan yang dimaksudkan adalah sekurang-kurangnya pegawai di peringkat **mengetuai sesuatu bahagian** di mana pegawai ditempatkan **atau bahagian pengurusan sumber manusia** di Kementerian/Jabatan/Agensi seperti Pengarah / Setiausaha Bahagian dsb.

B) TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- (i) Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat **semakan yang teliti** dan **memberi sepenuh perhatian** kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti di **LAMPIRAN I**. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk menyokong / memberi pelepasan kepada yang **bersesuaian dan berkelayakan** berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan sahaja;
- (ii) Ketua Jabatan perlu **melengkapkan dan mengesahkan maklumat** perkhidmatan pegawai dan seterusnya **menandatangani ruangan perakuan** Ketua Jabatan dalam borang permohonan. Semakan ke atas buku perkhidmatan atau / dan rekod HRMIS pegawai perlu dibuat untuk memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat perkhidmatan pegawai; dan
- (iii) Permohonan yang lengkap dan disokong perlu dikemukakan bersama-sama dokumen berkaitan kepada urus setia PPSM masing-masing untuk penyelarasan perakuan pencalonan.

C) TANGGUNGJAWAB KETUA PERKHIDMATAN / PEGAWAI PENGAWAL MELALUI PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA (PPSM)

- (i) Semua permohonan hendaklah **dipertimbang dan diperakukan** oleh **PPSM**. Hanya pencalonan yang **disokong dan diperakukan oleh PPSM sahaja** perlu dikemukakan kepada pihak BMI, JPA untuk saringan dan pemilihan lanjut;
- (ii) Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab urus setia PPSM untuk mengambil tindakan-tindakan berikut:
 - (a) Melengkapkan Borang Laporan Panel Pembangunan Sumber Manusia Kementerian/Jabatan untuk kursus dalam perkhidmatan - JPA(L) LDP 1A/96;
 - (b) Memastikan **maklumat perkhidmatan** yang telah dilengkapkan di ruangan perakuan Ketua Jabatan di dalam borang permohonan **adalah tepat dan benar** serta **telah ditandatangani oleh Ketua Jabatan** masing-masing. Semakan ke atas buku perkhidmatan atau / dan rekod HRMIS pegawai perlu dibuat untuk memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat perkhidmatan pegawai.
 - (c) Pencalonan yang dikemukakan kepada BMI, JPA hendaklah disertakan bersama-sama dengan dokumen-dokumen berikut:
 - 1) Dokumen-dokumen seperti di perenggan A (iii) dan (iv); dan
 - 2) Dokumen-dokumen seperti di perenggan C (ii) (a).

Dokumen-dokumen seperti di atas **HENDAKLAH** disediakan dalam **DUA (2) SET DOKUMEN**. Sila rujuk panduan penyusunan dokumen permohonan seperti di **LAMPIRAN E**.

- (iii) **Pencalonan yang lengkap** hendaklah dikemukakan dan diterima oleh pihak BMI, JPA **selewat-lewatnya pada 13 Jun 2025** sama ada melalui serahan tangan atau diposkan ke alamat seperti berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
62510 PUTRAJAYA.

(u.p.: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)

- (iv) Pencalonan yang diterima oleh pihak BMI, JPA selepas daripada tarikh tutup pencalonan tersebut **TIDAK AKAN DIPROSES.**



JPA

LAMPIRAN A (i)

SENARAI BIDANG PENGAJIAN
HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SESI 2026

SKIM PERKHIDMATAN: PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK

BIL.	KLUSTER (BIDANG PENGKHUSUSAN PTD)	CADANGAN TEMA/ FOKUS PENGAJIAN	NEC 2020 (BIDANG PENGKHUSUSAN)	PERINGKAT PENGAJIAN	
				KEDOKTORAN	SARJANA
1	Pembangunan Sosial, Masyarakat dan Infrastruktur	Pengurusan Golongan Rentan (<i>Vulnerable Group</i>)	031 Sains tingkah laku dan sosial	√	√
		Keusahawanan masa depan	061 Teknologi maklumat dan komunikasi		
			068 Program dan kelayakan antara- disiplin melibatkan teknologi maklumat dan komunikasi	√	√
		Transformasi Komuniti	073 Seni bina, kaji ukur dan perancangan bandar	√	√
		Pemeriksaan Institusi (Belia/ Wanita/ Warga Emas)	092 Kebajikan	√	√
		Pengurusan Sektor Pengangkutan	098 Program dan kelayakan antara disiplin yang melibatkan kesihatan dan kebijakan	√	√
			101 Perkhidmatan kendiri		
		Pengurusan Sektor Infrastruktur/ Infrastruktur Digital	104 Perkhidmatan pengangkutan		
			999 Bidang tidak diketahui	√	√

BIL.	KLUSTER (BIDANG PENGKHUSUSAN PTD)	CADANGAN TEMA/ FOKUS PENGAJIAN	NEC 2020 (BIDANG PENGKHUSUSAN)	PERINGKAT PENGAJIAN	
				KEDOKTORAN	SARJANA
2	Pengurusan Sumber Manusia dan Pentadbiran Awam	Kecekapan Sektor Awam (<i>Public Sector Efficiency</i>)	031 Sains tingkah laku dan sosial	√	√
		Pengurusan Strategik dan Tatakelola Organisasi	032 Kewartawanan, maklumat dan komunikasi	√	√
		Komunikasi Strategik (Pengurusan reputasi dan imej korporat)	041 Perniagaan dan pengurusan	√	√
		Pendigitalan dan Automasi Pengurusan Bakat	048 Program dan kelayakan antara- disiplin yang melibatkan perniagaan, pentadbiran dan undang-undang	√	√
		Pengurusan Bakat dan Pembangunan Organisasi	049 Perniagaan, pentadbiran dan perundangan tidak terkelas di tempat lain	√	√
		Pengurusan Tren Baharu dalam Tingkah Laku Organisasi dan Budaya Kerja	068 Program dan kelayakan antara- disiplin melibatkan teknologi maklumat dan komunikasi	√	√
3	Hubungan Antarabangsa dan Hal Ehwal Luar Negeri	Diplomasi Politik	022 Kemanusiaan (kecuali bahasa)	√	√
		Hubungan dan Kerjasama Antarabangsa	031 Sains tingkah laku dan sosial	√	√

BIL.	KLUSTER (BIDANG PENGKHUSUSAN PTD)	CADANGAN TEMA/ FOKUS PENGAJIAN	NEC 2020 (BIDANG PENGKHUSUSAN)	PERINGKAT PENGAJIAN	
				KEDOKTORAN	SARJANA
		Rundingan Strategik	042 Undang-undang	√	√
		Geopolitik dan peralihan kuasa dunia	103 Perkhidmatan keselamatan		
		Maritim Antarabangsa	104 Perkhidmatan pengangkutan 999 Bidang tidak diketahui	√	√
4	Ekonomi dan Perdagangan	Makroekonomi (Analisa, Penyelidikan dan Model)	031 Sains tingkah laku dan sosial 041 Perniagaan dan pengurusan 042 Undang-undang 052 Alam sekitar 054 Matematik dan statistik 103 Perkhidmatan keselamatan 999 Bidang tidak diketahui	√	√
		Mikroekonomi		√	√
		Ekonomi Sektoral		√	√
